

01 FEBRUARI 2018

Duda bungkus dadah di rumah penginapan ditahan

Duda bungkus dadah di rumah penginapan ditahan

SEBERANG PERAI - Seorang duda ditahan bersama sejumlah dadah ketika serbuan di sebuah rumah penginapan di Taman Rimba CheroK Tokun, Bukit Mertajam di sini kelmarin.

Dalam serbuan pukul 2 petang itu, lelaki yang berusia 46 tahun terbabit cuba melarikan diri namun gagal apabila dicekup polis.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, pengang-gur terbabit ditahan bersama beberapa jenis dadah yang bernilai RM3,026 di rumah terbabit yang dipercayai dijadikan

tempat membungkus dadah.

Antara dadah yang dirampas ialah 109.3 gram heroin, 2.9 gram amphet-amene, 3.39 gram ganja dan 85 biji pil WY.

“Polis turut menjumpai peralatan disyaki bagi membungkus dadah serta merampas wang tunai bernilai RM1,365 selain sebuah motosikal Naza Blade 250 di rumah itu,” katan-ya di sini semalam.

Nik Ros Azhan berkata, suspek yang mempunyai tujuh rekod jenayah termasuk enam berkaitan kes dadah itu didapati suspek positif dadah jenis morfin hasil ujian urin.